



Apakah tugas seorang Ketua Jabatan/ Penyelia?



Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

**KAWALAN DAN
PENGAWASAN TATATERTIB
DI SETIAP PERINGKAT
DALAM JABATAN /
BAHAGIAN / CAWANGAN /
UNIT**

[Peraturan 3C (1)]

Adalah menjadi tugas setiap **pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai dan kakitangan bawahannya dan mengambil tindakan yang sesuai dengan seberapa segera yang mungkin bagi apa – apa pelanggaran peruntukan Peraturan**

[Peraturan 3C (2)]

Tindakan tatatertib boleh diambil ke atas mana – mana penyelia yang gagal menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib terhadap pegawai atau kakitangan bawahannya, kerana boleh disifatkan telah melanggar tatakelakuan pegawai awam selaras peraturan 4(2)(g) dan 4(2)(j) Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) yang menyatakan seperti berikut:

4(2) Seseorang pegawai tidak boleh –

- (g) tidak bertanggungjawab; dan
- (j) cuai dalam menjalankan tugas – tugasnya.

Tindakan Yang Perlu Dilakukan :

Maklumat lengkap senarai penyelia beserta pegawai bawahannya di setiap peringkat hendaklah diwujudkan bagi tujuan kawalan dan pengawasan tatatertib.

- Maklumat tersebut hendaklah disimpan
- Dikemaskini dari masa ke semasa sekiranya berlaku sebarang pertukaran pegawai dan sebagainya

